



Oleh **RIZAM ZAKARIYA & HIDAYAH ABDULLAH**
Foto **ABDUL RAZAK LATIF, ROY AZIS ABD. AZIZ & FAISOL MUSTAFA**

RENCANA UTAMA



STESEN MRT dibina berkonsepkan wakaf bagi memastikan pengudaraan yang lebih baik.

MRT merupakan perkhidmatan rel termoden yang beroperasi di negara ini.



Tulang belakang prasarana di Lembah Klang

Projek MRT Lembah Klang yang baru dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 15 Disember lalu menjadi ikon terbaharu negara dalam merealisasikan hasrat kerajaan mencapai negara maju menjelang tahun 2020.

KOSMO
20/12/2016
MLS 22-23

SEBAIK melangkah masuk ke dalam gerabak rel Mass Rapid Transit (MRT) selepas perkhidmatan awam itu memulakan operasi hari pertamanya Jumaat lalu, **Norhaidah Osman**, 48, seakan-akan terpaku dengan kecanggihan pengangkutan tersebut.

Menurut guru di sebuah sekolah di Kuala Selangor itu, perkhidmatan MRT yang baharu diperkenalkan itu menyerupai sistem tren moden yang pernah dinaiki ketika dia melawat ke Korea beberapa bulan lalu.

“Saya memang kagum dengan perkhidmatan MRT. Pertama kali saya masuk ke dalam gerabaknya, ia bukan sahaja kelihatan moden dan canggih, tetapi juga sangat cantik dan selesa.

“Sebagai seorang pengguna, saya berbangga kerana Malaysia turut mampu memiliki perkhidmatan rel yang



PERDANA Menteri meletakkan tangan pada skrin sebagai gimik pelancaran perkhidmatan MRT laluan Sungai Buloh-Kajang di Stesen MRT Kwasa Damansara Khamis lalu.



NORHAIDAH

moden dan canggih seperti MRT ini,” katanya kepada *Kosmo!*.

Jelas Norhaidah lagi, sebelum ini, dia kerap menggunakan perkhidmatan rel seperti KTM Komuter dan Transit Aliran Ringan (LRT)

untuk ke bandar raya Kuala Lumpur dari Sungai Buloh atau Rawang, Selangor bagi mengelak terperangkap di dalam kesesakan lalu

lintas selain ia mampu menjimatkan masa dan perbelanjaan.

Namun katanya, selepas mencuba sendiri perkhidmatan MRT, dia kini memilih perkhidmatan tersebut sebagai pengangkutan awam utama baginya berbanding perkhidmatan rel yang lain kerana menganggap ia lebih selesa dan efisien.

Menyorot kembali sejarah kewujudan MRT, projek perkhidmatan awam itu pada asalnya telah dicadangkan

oleh sebuah konsortium sektor swasta pada awal 2010 melibatkan tiga jejarian.

Selepas kajian terperinci dilaksanakan, kerajaan kemudiannya telah meluluskan pelaksanaan jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK) sebagai jajaran pertama sistem MRT Lembah Klang (KVMRT) pada Disember 2010 melibatkan jarak sepanjang 51 kilometer (km).

Jajaran kedua

Projek MRT SBK kemudiannya telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 8 Julai 2011 dengan anggaran awal kos pembinaan sekitar RM23 bilion.

Jajaran kedua KVMRT pula melibatkan laluan Sungai Buloh-Serdang-Purtajaya sejauh 52.2km dengan pembinaannya bermula pada 15 September lalu, manakala jajaran ketiga KVMRT belum lagi dimuktamadkan kerana masih dalam peringkat kajian kebolehlaksanaan.

Projek KVMRT merupakan sebuah Projek Penggerak Ekonomi di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Greater Kuala Lumpur/ Lembah Klang.

Ia juga merupakan salah satu daripada 12 NKEA yang merangkumi Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) di bawah Jabatan Perdana Menteri.



RUANG stesen MRT yang moden memberi keselesaan kepada pengguna.



SETIAP stesen MRT turut mempunyai ruang niaga bagi membantu golongan usahawan khususnya bumiputera.



BAS perantara bagi memudahkan pengguna ke stesen MRT terdekat.



RENCANA UTAMA

INFO MRT SBK

- Mempunyai empat gerabak berteknologi moden bagi setiap set tren
- Mampu memuatkan 1,200 penumpang pada satu-satu masa
- Fasa 1 beroperasi bermula 16 Disember 2016
- Melibatkan 12 stesen dari Sg. Buloh ke Semantan
- Tempoh perjalanan kira-kira 30 minit
- Kadar tambang bermula 80 sen hingga RM3.90
- Fasa 2 dari stesen Muzium Negara ke Kajang akan beroperasi Julai 2017
- 300 buah bas perantara disediakan di beberapa stesen terpilih sepanjang laluan

ORANG ramai tidak melepaskan peluang merasai perkhidmatan MRT pada hari pertama operasinya Jumaat lalu.



BILIK pemantauan bagi memastikan tren beroperasi dengan baik selain meningkatkan tahap keselamatan penumpang.

kerana beberapa buah stesen MRT di sepanjang jajaran ini berhubung dengan stesen KTM Komuter, LRT, Monorel dan ERL.

“Selain itu, untuk kemudahan para pengguna, perkhidmatan bas pengantara MRT yang dikendalikan oleh Rapid Rail Sdn. Bhd. (Rapid Rail) juga akan beroperasi untuk menghubungkan penumpang ke stesen terdekat,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran perkhidmatan MRT yang disempurnakan



ALI

oleh Perdana Menteri

Dalam pada itu, Najib ketika berucap pada majlis berkenaan mengakui, projek KVMRT sangat dekat di hatinya dan beliau sendiri telah meletakkan perhatian yang mendalam terhadap pelaksanaannya sejak awal.

Ikonic

Malah, beliau turut mengakui, MRT merupakan satu projek ikonic dan menjadi bukti kesungguhan negara dalam mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Selain memberi pujian kepada MRT Corp kerana berjaya melaksanakan bahagian-bahagian projek MRT tepat pada waktu yang

MRT Sg.Buloh-Kajang dapat memastikan tahap perkhidmatan yang efisien, boleh dipercayai, tepat pada waktu dan selamat untuk para penumpang.

“Saya juga percaya Rapid Rail sudah cukup bersedia untuk memainkan peranan tersebut berdasarkan pengalaman luas mereka dalam mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan LRT, Monorel, bas-bas di Lembah Klang dan di beberapa buah bandar utama lain di semenanjung selain perkhidmatan Metro Rail di Mekah, Arab Saudi,” katanya.

Sebagai hadiah kepada rakyat di negara ini sempena sambutan tahun baru 2017, Najib turut mengumumkan perkhidmatan MRT tersebut akan beroperasi secara percuma selama sebulan sehingga 16 Januari 2017.

Tambang perkhidmatan rel dan bas pengantara hanya akan dikenakan bermula 17 Januari 2017 antara 80 sen hingga RM3.90 bagi perjalanan sehala dari stesen Sungai Buloh ke stesen Semantan.

KVMRT melibatkan pembinaan jaringan pengangkutan awam berasaskan rel yang akan berintegrasi dengan sistem-sistem LRT, Monorel, KTM Komuter, KLIA Ekspres dan KLIA Transit dengan kesemua sistem pengangkutan rel tersebut akan menjadi tulang belakang perkhidmatan pengangkutan awam di dalam kawasan Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang.

Prasarana

Dengan adanya perkhidmatan MRT di Lembah Klang, sasaran untuk menjadikan 50 peratus daripada kesemua perjalanan yang dilakukan di kawasan Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang dengan menggunakan pengangkutan awam akan dapat dicapai.

Ketua Setiausaha Negara yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah MRT Corporation (MRT Corp), Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, kejayaan

pelaksanaan projek MRT membuktikan komitmen kerajaan untuk menyediakan prasarana pengangkutan awam yang efisien, selesa serta memenuhi keperluan rakyat, selaras dengan aspirasi *Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*.

“Projek MRT merupakan sebahagian daripada rangkaian rel Lembah Klang yang komprehensif dan berintegrasi dengan perkhidmatan rel yang lain

di Stesen MRT Kwasa Damansara, Khamis lalu.

Menurut Ali lagi, fasa pertama perkhidmatan MRT SBK akan beroperasi antara stesen Sungai Buloh hingga stesen Semantan sejauh 21km merangkumi 12 buah stesen, manakala fasa kedua daripada stesen Muzium Negara ke stesen Kajang dijangka akan beroperasi pada Julai 2017 selepas kesemua kerja-kerja laluan bawah tanah siap sepenuhnya.

ditetapkan Perdana Menteri turut memuji kontraktor yang terlibat dalam pelaksanaan projek tersebut kerana berjaya menjimatkan kos pembinaan sasaran daripada RM23 bilion yang disasarkan di peringkat awal kepada hanya RM21 bilion, penjimatan sebanyak RM2 bilion.

“Saya yakin Rapid Rail selaku anak syarikat Prasarana Malaysia Berhad yang dilantik sebagai pengendali laluan



Rapid Rail alukan sebarang cadangan

PERKHIDMATAN Mass Rapid Transit (MRT) akan ditambah baik dari semasa ke semasa selepas pengendalinya, Rapid Rail Sdn. Bhd. (Rapid Rail) yang merupakan anak syarikat Prasarana Malaysia Berhad mendapat maklum balas daripada pengguna.

Menurut **Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Datuk Seri Azmi Abdul Aziz**, sebagai permulaan, pihaknya akan melaksanakan operasi MRT berdasarkan perancangan yang telah dibuat di peringkat awal.

“Seperti yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa

pelancarannya, orang ramai diberi peluang menikmati perkhidmatan MRT secara percuma selama sebulan dan tambang hanya akan dikenakan bermula 17 Januari 2017.

“Sepanjang tempoh tersebut, orang ramai boleh mengemukakan sebarang cadangan kepada pihak kami bagi tujuan penambahbaikan dan kami bersedia untuk mempertimbangkan cadangan dan idea-idea yang dikemukakan demi kesesuaian penumpang.

“Antara cadangan awal yang telah kami terima ialah supaya



AZMI

disediakan kawasan parkir basikal di stesen-stesen MRT dan kami merasakan idea tersebut sangat baik.

“Malah, MRT juga merupakan perkhidmatan rel pertama di negara ini yang akan membenarkan penumpang membawa bersama basikal jenis mudah lipat ke dalam tren bagi memudahkan

pergerakan mereka,” katanya kepada media ketika melakukan tinjauan hari pertama operasi MRT dari stesen Pusat Bandar Damansara ke stesen Sungai Buloh Jumaat lalu.

Menurut Azmi lagi, pihaknya

yakin dapat mencapai sasaran jumlah penumpang sehingga 160,000 sehari bermula Januari 2017 selepas musim cuti persekolahan tamat.

Dalam pada itu, ketika mengulas mengenai operasi MRT, Azmi memberitahu, Rapid Rail telah melaksanakan percubaan operasi sejak enam bulan lalu bagi memastikan ia dapat beroperasi dengan cekap dan efisien.

Malah katanya, sebagai kemudahan orang ramai, pihaknya turut menempatkan beberapa kakitangan di kesemua stesen bagi membantu penumpang menikmati perkhidmatan MRT dengan selesa dan selamat.